

Bahagian A

Jawab semua soalan.

6.1 Alat Telekomunikasi di Malaysia

- 1 Apakah yang dimaksudkan dengan telekomunikasi?
- A Penerimaan maklumat daripada kerajaan
 - B Interaksi jarak jauh antara penyampai dan penerima
 - C Transaksi perbankan antara pihak bank dengan pelanggan
 - D Pembekalan data dan maklumat pengguna oleh Telekom Malaysia

BT ms. 92

- 2 Alat telekomunikasi yang digunakan semasa penjajahan British di Tanah Melayu ialah
- A telegraf
 - B mesin teleks
 - C telefon talian
 - D telefon pintar

BT ms. 92

- 3 Foto 1 menunjukkan alat telekomunikasi di Malaysia.




Foto 1

Apakah maklumat yang berkaitan dengan alat telekomunikasi tersebut?

- I Berfungsi memindahkan salinan dokumen
 - II Peranti disambungkan dengan rangkaian telefon
 - III Mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1980
 - IV Digunakan untuk urusan pentadbiran di Tanah Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BT ms. 92

- 4 Alat telekomunikasi yang manakah berkaitan dengan maklumat berikut?

Mengirim pesanan dalam bentuk teks

- A Telefon
- B Telegraf
- C Mesin teleks
- D Telefon pintar

BT ms. 92

- 5 Apakah yang dimaksudkan dengan GPS?

- A Great Positioning System
- B Global Positioning System
- C Geography Positioning System
- D Geography Information System

BT ms. 92

6.2 Kemajuan Alat Telekomunikasi di Malaysia

- 6 Di manakah stesen satelit bumi yang pertama dibina di Malaysia?

- A Ipoh
- B Kuantan
- C Sematan
- D Cyberjaya

BT ms. 93

- 7 Apakah matlamat satelit Tiung-SAT dilancarkan di Malaysia?

- I Pencerapan bumi
 - II Aplikasi komunikasi
 - III Siaran digital berdefinisi tinggi
 - IV Memajukan perisian komputer canggih
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BT ms. 93

- 8 Syarikat telekomunikasi yang menyediakan telefon talian tetap di Malaysia sejak tahun 1984 ialah

- A Nokia
- B YTLNetwork
- C Telekom Malaysia (TM)
- D Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

BT ms. 94

- 9 Foto 2 menunjukkan logo Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).



Foto 2

Apakah peranan utama penubuhan suruhanjaya tersebut?

- A Menyediakan telefon talian tetap
- B Meluaskan akses jalur lebar ke serata pelosok negara
- C Memajukan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)
- D Menyalurkan informasi dalam dunia jaringan komputer

BT ms. 95

6.3 Kepentingan Telekomunikasi di Malaysia

- 10 Foto 3 menunjukkan satelit bumi di Kuantan, Pahang.



Foto 3

Apakah kepentingan satelit tersebut?

- A Mengeratkan silaturrahim
- B Peluang pendidikan lebih luas
- C Pengurusan dan pentadbiran negara lebih sistematik dan teratur
- D Peminat bola sepak dapat menyaksikan siaran secara langsung di televisyen

BT ms. 96

- 11 Antara berikut, yang manakah kepentingan telekomunikasi di Malaysia?

- I Mengeratkan silaturrahim
- II Memudahkan pembelajaran
- III Data dapat disimpan dengan selamat
- IV Boleh membangkitkan isu-isu sensitif
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

BT ms. 96

- 12 Apakah kegunaan telefon pintar terhadap masyarakat kini?

- A Melayari Internet
- B Mengeluarkan wang tunai
- C Menyebarkan maklumat yang viral
- D Mengeratkan hubungan silaturrahim

BT ms. 96

6.4 Kesan Telekomunikasi terhadap Pembangunan Negara

- 13 Apakah kesan positif perkembangan perkhidmatan Internet terhadap seseorang murid?

- A Maklumat sangat perlahan
- B Melakukan plagiat di atas talian
- C Urusan perbankan sukar dijalankan
- D Sistem pembelajaran dilakukan secara maya

BT ms. 97

- 14 Apakah yang dimaksudkan dengan huruf 'e'?

- e-kerajaan
- e-dagang

- A English
- B Epsilon
- C Elektrik
- D Elektronik

BT ms. 97

- 15 Apakah kesan negatif perkembangan telekomunikasi terhadap golongan remaja?

- A Maklumat negatif tersebar dengan cepat
- B Maklumat pembelajaran mudah diperoleh
- C Berhubung dengan ibu bapa dengan cepat
- D Mencari maklumat dengan cepat dan mudah

BT ms. 98

6.5 Penggunaan Alat Telekomunikasi Secara Beretika

- 16 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan penggunaan alat telekomunikasi secara beretika?

- I Menyentuh isu-isu sensitif
- II Tidak mendedahkan hal-hal peribadi
- III Bersopan santun sewaktu berkomunikasi
- IV Melakukan plagiat untuk menyiapkan tugasan sekolah
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

BT ms. 99

- 17 Apakah agensi yang bertanggungjawab terhadap industri komunikasi di Malaysia?

- A Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- B Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- C Agensi Perkhidmatan Awam Darat (APAD)
- D Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

BT ms. 100